

Kerajaan digesa beri perhatian aspek pendidikan

KUALA LUMPUR 14 Jan. - Kerajaan digesa memberi perhatian termasuk menambah peruntukan dalam aspek pendidikan pada pembentangan semula Bajet 2016 yang akan diadakan pada 28 Januari ini.

Presiden Kongres Kesatuan Perkerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda berkata, langkah tersebut dapat membantu meningkatkan pembangunan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan kebijakan kakitangannya di semua peringkat.

Katanya, usaha itu juga dapat membantu meningkatkan prestasi kakitangan universiti dalam usaha menghasilkan graduan berkualiti di negara ini.

"Keputusan yang dibuat sebelum ini dilihat terlalu drastik. Kita perlu faham bahawa univer-

siti merupakan tempat lahirnya pakar dalam pelbagai bidang yang mampu membantu negara pada masa hadapan.

"Kerajaan tidak seharusnya memberi tekanan dalam pendidikan dan perubatan, sebaliknya perlu menunjukkan satu kaedah terbaik untuk memastikan Bajet 2016 disalurkan dan digunakan sebaik mungkin walaupun dalam situasi ekonomi yang tidak menentu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa menghadiri Majlis Perutusan Tahun Baharu Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra



AZIH MUDA

Malaysia (Kepertama) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris; Timbalan Setiausaha Kewangan CEUPACS, Mohd. Razali Singah serta Timbalan Presiden Gabungan Majlis Presiden merangkap Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti/IPTA Malaysia (Gakum), Zulkifli Mohamad.

Dalam pada itu, Azih berkata, pihaknya menyambut baik saranan kerajaan supaya institusi pengajian tinggi dapat mencari dana dan pendapatan sendiri bagi menampung segala kos tambahan pengurusan dan penyelenggaraan.